

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI
BIN ABDUL AZIZ [RAUB]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

**YB Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah mesyuarat yang sudah diadakan oleh PAC semenjak sesi parlimen ke-13; dan
- (b) berapa banyakkah tindakan diambil ke atas cadangan dan rekomendasi PAC

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Semenjak Parlimen ke-13, sebanyak 79 siri mesyuarat PAC telah diadakan iaitu sebanyak lapan (8) mesyuarat pada tahun 2013, 47 mesyuarat pada tahun 2014 dan sehingga April 2015, sebanyak 24 mesyuarat PAC telah diadakan.
- b) Pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan melalui Arahan Perbendaharaan 304 perlu mengarahkan Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan kepada pihak yang berkaitan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan berdasarkan kepada syor/cadangan PAC melalui laporan yang telah dikemukakan oleh PAC.

Sekian. Terima kasih.